



KHAZANAH
NASIONAL

SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 1 April 2020

Khazanah mengalu-alukan pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga baharu

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) ingin mengalu-alukan pelantikan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Khazanah, serta pelantikan Menteri Kewangan YB Senator Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Dato’ Mohammed Azlan Hashim sebagai ahli Lembaga Pengarah yang baharu.

Pelantikan tersebut telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan pada hari ini dan berkuatkuasa serta merta.

Khazanah menyambut baik pelantikan tersebut dan akan bekerjasama rapat dengan Lembaga Pengarah yang baru dibentuk semula untuk terus memenuhi mandatnya sebagai dana kekayaan berdaulat Malaysia.

Khazanah juga ingin mengumumkan peletakan jawatan YB Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah, berkuatkuasa 25 Mac 2020.

Bagi pihak pengurusan dan kakitangan, Khazanah ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada YB Tun Dr Mahathir atas kepimpinan, bimbingan dan sumbangan beliau sepanjang tempoh beliau berkhidmat sebagai Pengerusi.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my atau hubungi Mohd Raslan Md Sharif di +603 2034 0000, atau emel di raslan.sharif@khazanah.com.my.

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk membangunkan kekayaan jangka panjang negara melalui objektif komersial dan strategik. Objektif komersil Khazanah adalah untuk mengembangkan aset kewangan dan mempelbagaikan sumber pendapatan bagi negara, sementara objektifnya pula adalah untuk memegang aset strategik yang membawa manfaat ekonomi jangka panjang. Khazanah dipandu oleh falsafah pelaburannya yang menekankan kepada pencapaian pulangan kewangan yang disesuaikan dengan risiko, menjana pulangan lestari dan mengintegrasikan pertimbangan pelaburan yang beretika dan bertanggungjawab. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my.